

BAB KEDUA

**KATA NAMA DALAM BAHASA
ARAB DAN
PEMBAHAGIANNYA.**

BAB KEDUA

KATA NAMA DALAM BAHASA ARAB

DAN PEMBAHAGIANNYA

2.0 PENDAHULUAN

Kajian yang dimuatkan di dalam bab ini ialah mengenai penggunaan isim Ma'rifat. Oleh kerana belum ada kajian-kajian yang terdahulu yang dilakukan oleh sarjana-sarjana masa kini, maka penulis sedaya upaya cuba menerangkan pentingnya isim ini dalam bahasa Arab.

Pelbagai pendekatan dan kaedah telah di ambil oleh penulis untuk menerangkan cara penggunaan isim ini seperti membuat tinjauan terhadap beberapa kajian yang hampir menepati kajian ini, disamping merujuk kepada sumber-sumber asli iaitu kita-kita nahu yang terdahulu.

Isim Ma'rifat adalah kata nama yang boleh dipecahkan kepada isim Damir, penambahan AL, isim Mausul, isim Alam,

isim Ishārat, Idāfat dan Munāda' Nakirat Maqsūdat. Beberapa contoh dimuatkan bagi memperjelaskan makna penggunaan isim ini dalam konteks masing-masing.

Walau pun terdapat banyak kelemahan di dalam bab ini, namun harapan penulis bahawa kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar bahasa Arab pada masa yang akan datang.

2.1 Definisi Ungkapan (الكلام)

Ungkapan dalam bahasa Melayu menurut Kamus Dewan bererti "sesuatu yang diucap, cakap atau ujar".

Ungkapan dalam bahasa Arab pula merujuk kepada definisi ^{الجملة المبتدأة المركبة من كلمتين فأكثر تسمى كلاماً} (1) (Kata adalah ayat yang lengkap tersusun daripada dua perkataan atau lebih ia dinamakan juga kalam). Di bawah ini disenaraikan beberapa contoh supaya senang difahami iaitu ^{الأرض كروية} (Bumi Bulat)

¹ Hafna Bik Nasif dan kawan-kawan :Kitab N-Durus N-Halwiyyat , juzu', 111 (T.Penerbit/T.Tahun) halaman 1.

Penjelasan selanjutnya ialah contoh pertama ayat yang terdiri daripada dua kalimat dan ayat kedua terdiri daripada tiga kalimat.

Menurut definisi berikut pula ialah **الكلام هو ما يكتب من كلام أو أكثر ولكنه يعني بغيره مسلسل**.

(1) **كلمتين أو أكثر ولكنه يعني بغيره مسلسل** (Kalam ialah suatu ayat yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih serta mempunyai makna yang tepat dan bebas). Kalau diteliti bentuk ayat ini ia mesti merangkumi sekurang-kurangnya dua syarat utama iaitu tersusun dan bebas. Yang bermaksud bukan jawab syarat dan sekurang-kurangnya terdiri daripada dua perkataan, contohnya **أهل الضيافة** (Tamu sudah datang) **المهمل رايب** (Orang cuai akan gagal).

Di dalam tatabahasa Arab, satu kajian yang telah dibuat ke atas ungkapan, ia dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kata nama (Isim), kata kerja (Fi'il) dan partikel (Harf).

L'Abbas Hassan : **M-Nahwu Al-Wāfi** , juzu' 1 , Dar Al-Ma'arif, Kahirah, (T.T) halaman 15.

Penulis membataskan perbincangan dalam disertasi ini kepada kata nama sahaja kerana bersesuaian dengan perbincangan tajuk disertasi ini.

2.2 Definisi Kata Nama

Kata nama atau *isim* adalah golongan kata yang ada hubung kait dengan manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, ketulan-ketulan atau sesuatu yang lain. Ini dapat difahami daripada takrif berikut(1) ﴿كُلُّ لَفْظٍ يُسَمِّي بِهِ إِنْسَانٌ أَوْ جِيَانٌ أَوْ بَنَاتٌ أَوْ جَمَادٌ أَوْ أَىْ شَيْءٍ﴾.

Misalnya, manusia seperti ﴿مُحَمَّد﴾, binatang seperti ﴿حَصَانٌ﴾ (Kuda), tumbuh-tumbuhan seperti ﴿شَرْبَة﴾ (Pokok), ketulan seperti ﴿جُرْبَل﴾ (Batu) dan selain daripada itu, termasuk juga ﴿جِنٌ﴾ (Jin), ﴿مَلَائِكَة﴾ (Malāikah) dan sebagainya.

1. Ibnat Al-Kutub Al-Madrasiyah : Silsilat Al-Qawa'id Al-Arabiyyah, M Sanat Al-Ula A-Thanawi, Percetakan Muslim Sdn.Bhd, Kota Bharu, 1974, halaman 11.

الإِسْمُ مَا يَدْلِيُ عَلَى مَعْنَىٰ مُسْتَقِلٌ
Manakala takrif berikutnya berbunyi الإِسْمُ لِيُسْتَهِمُ بِهِ (1) (Isim ialah satu lafaz yang mempunyi erti tersendiri tanpa kaitan dengan masa) contohnya عَنْفَرٌ (Nama orang lelaki), كِبَّابٌ, مَكَّةُ الْمُكَرَّمَةُ (Mekah), كِتابٌ, (Buku).

Perkataan seperti كِتابٌ, عَنْفَرٌ, مَكَّةُ الْمُكَرَّمَةُ semuanya memberi makna tersendiri tanpa bergantung kepada masa tertentu.

الإِسْمُ هُوَ كُلُّهُ
Menurut takrifan berikut pula ialah الإِسْمُ هُوَ كُلُّهُ (2) (Isim ialah kalimat yang memberi pengertian tersendiri dan tidak terikat dengan masa tertentu), contohnya إِبْرَاهِيمُ, الْحَصَانُ (Kuda) dan الْفَجْنَاحُ (Gandung). Perkataan إِبْرَاهِيمُ, الْحَصَانُ, الْفَجْنَاحُ sudah sempurna maknanya, jelas dan tepat serta dapat difahami.

-
1. Hafna Bik dan rakan-rakan : Kitab Al-Durüs Al-Nahwiyyat , juzu 111, (T.penerbit/T.Tahun) ,halaman 1
 - 2.Drs. Djawahir Djuha : Tata Bahasa Arab, Pustaka Farhan, selangor, (T.T) halaman 4.

Menurut pendapat penulis bahawa takrif pertama lebih tepat, kemas dan menyeluruh kerana ia mengaitkan kata nama dengan manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain.

2.3. Ciri-ciri isim

Isim adalah suatu kalimat yang mengandungi makna tersendiri yang dapat dikenali melalui ciri-ciri berikut:

2.3.1. Jarr (Genetif)

Jarr boleh dilakukan melalui tiga cara berikut:

1. Jarr dengan partikal ḥarf jarr, contohnya ^{كُنْتُ} عَلَى سُلْطَانٍ (Saya berdiri di atas tangga). Perkataan سُلْطَانٍ ialah isim majrūr melalui harf jarr (علی).

2. Jarr dengan idāfat, contohnya زَرِّتْ بَيْتَ الْعَلِمِ (Saya menziarahi rumah guru) Perkataan العَلِمِ majrur dengan idāfat.

3. Jarr dengan tabiyyat, contohnya كُنْتُ فِي زِيَارَةِ صَدِيقٍ كَرِيمٍ

(Saya menziarahi kawan yang baik) Perkataan هُنَّ adalah majrūr dengan tabiyyat (Sifat)

2.3.2 Tanwin (1)

Tanwin ialah petanda bunyi baris pada akhir nomina sama ada qammatain (ـ), fathatain (ـ), atau kasratain (ـ) contohnya حَمِيدٌ (Hamid datang) رَأَيْتُ حَمِيدًا (Saya melihat Hamid) dan ذَهَبَ إِلَى حَمِيدٍ (Saya pergi kepada Hamid). Pada mulanya tanwin ditulis dengan harf Nûn Sâkinat (نون ساكنة) pada akhir kalimat seperti حَمِيدَنْ حَمِيدَنْ حَمِيدَنْ kemudian ditukar dengan petanda bacaan yang lain yang dinamakan tanwin atau Nûn Sâlifat (نون ساليفات)) dan seterusnya harf Nûn dihazaf (Digugurkan) dan sebutanya dikekalkan seperti ini حَمِيدٌ، حَمِيدٌ، حَمِيدٌ.

1. Abbas Hassan: Al-Nahwu Al-Wâfi, juzu'1, Dar Al-Ma'rif (T.T) halaman 33.

2.3.2.1 Pembahagian Tanwīn (1)

Tanwīn dapat dibahagikan kepada empat kelompok iaitu sebagaimana berikut:

a. Tanwīn Al- Imkāniyyat (الإمكانية)

Tanwīn Al-Imkāniyyat ialah kalimat yang baris akhirnya berubah serta di tanwinkan di akhirnya contohnya حمَّدَ مُحَمَّدٌ (Muhammad datang) رأَيْتُ مُحَمَّدًا (Saya melihat Muhammad) ذهَبَ إِلَى مُحَمَّدٍ (Saya pergi kepada Muhammad).

b. Tanwīn A-Tankīr (النكير)

Tanwīn A-Tankīr ialah petanda tanwīn yang dimasukkan ke atas isim yang mabni (Tetap) atau isim mu'rab (Berubah) contoh isim mabni لا تَرَى شَيْئاً بَعْدَ الْبَوْمَ (Tidak ada orang Quraish selepas hari ini) dan isim mu'rab رأَيْتُ مُحَمَّدًا (Saya nampak Muhammad), sekiranya tanwīn dimasukkan ke atas isim mabni maka isim tersebut adalah Nakirat.

1. Ibid (T.T), halaman 34-41

dan sekiranya isim mu'rab ia menunjukkan isim Ha'rifat.

c. Tanwin A-Ta'wid. (التعريف)

Yang dimaksudkan dengan A-Ta'wid ialah mengugurkan (Hazaf) satu huruf daripada sesuatu kalimat atau ayat kemudian diganti dengan tanwin di tempatnya, contohnya بَرْجُورٌ الْفَرِودُ وَلَيْ (Duit masih berbaki) pada mulanya بَرْجُورٌ .

d. Tanwin Al-Muqabalat (المقابلة)

Tanwin Al-Muqabalat ialah tanwin yang dimasukkan ke atas isim yang berasal daripada fi, il (musytaq) contohnya مُحَمَّدٌ مَسَافِرٌ (Muhamad seorang pengembara) perkataan مَسَافِرٌ adalah berasal dari kata kerja (مسافر) iaitu سافر (Hengembara) .

2.3.3 Sisipan AL (الـ) (1)

Dimaksudkan dengan sisipan AL ialah isim yang I.Drs. Djavahir Djuha:Tata Bahasa Arab 1986, Pustaka Farhan, Selangor halaman, 7.

disambungkan dengan AL dibahagian awal kalimat contohnya
الْمَرْسَهُ الْكَوْنِيْتُ menjadi مَرْسَهٌ (Sekolah) بَيْتٌ menjadi بَيْتٌ (Rumah) كَوْنِيْتٌ
menjadi كَوْنِيْتٌ (Kanak-kanak perempuan).

2.3.3.1 Pembahagian AL (J) (1)

AL dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu AL Al-Qamariyyat dan AL Al-Syamsiyyat dan keterangan selanjutnya seperti berikut:

a. AL Al-Qamariyyat (الْقَمَرِيَّةُ)

AL Al-Qamariyyat ialah hurf Alif dan Lam (AL) yang disambungkan dengan jenis-jenis AL qamariyyat dan disebut dengan nyata pada sesuatu kalimat. Huruf qamariyyat ialah أب ج ح خ غ ف ق ك م و ي iaitu sebanyak empat belas huruf contohnya الْكِتابُ (Buku) الْوَلَدُ (Kanak-kanak) الْمَدِيسُ (Guru).

1. Fird Ni'mat: Mulakhkhas Qawa'id Al-Lughat Al-Arabiyyat , juzu' 11

Al-Maktab Al-Ilmi Li Ta'lim Wattajamat , Kahirah (T.T), halaman 12.

b. AL A-Syamsiyyat (الشمسية)

Selain daripada itu, terdapat juga AL Al-Ahdiyyat (الحمد لله) dan AL Al-Jinsiyyat (الجنسية) (1), perbincangan selanjutnya seperti berikut:

a. AL AL Ahdiyyat (العهديّة)

AL Al-Ahdiyyat ialah AL yang dimasukkan ke atas isim Nakirat yang diulang dua kali di dalam satu ayat, kemudian dimasukkan AL ke atas kalimat kedua contohnya ﴿

Al-Syaikh Mustapha Al-Ghalayiniyy: *Jami' Al-Durus Al-Arabiyyat*,
juz' I, Mansurat Al-Kutub Al-Asriyyat, Beirut, halaman 147.

Perkataan الْفَيْضُ yang kedua merupakan perkataan ulangan kepada الْفَيْضُ pertama, cuma ia disambungkan dengan AL bagi membuktikan dengan tepat bahawa tetamu tersebut yang diberi penghormatan.

b. AL Al-Jinsiyyat (الجنسية)

AL Al-Jinsiyyat ialah AL yang berperanan menerangkan penglibatan sesuatu perkara secara keseluruhan dan bukan sebahagiannya , contohnya بِعْلَى إِنْسَانٍ ضَعِيفًا (Manusia dijadikan lemah). AL pada perkataan إِنْسَانٌ menerangkan mengenai kejadian manusia semenjak dahulu lagi adalah lemah iaitu tidak ada satu daripada angotanya yang kuat.

AL Al-Jinsiyyat juga dapat ditukar atau diganti dengan kalimat كُلُّ contohnya وَعَلَى كُلِّ إِنْسَانٍ ضَعِيفًا (Semua manusia dijadikan lemah).

E) Munādā' (منادى) (1)

Isim boleh dimasukkan harf Nidā'. Munādā' ialah isim yang terletak selepas harf Nidā'. Nidā' ialah seruan yang lahir daripada pertuturan seperti panggilan dan sebagainya dengan menggunakan harf nidā' (Seru) iaitu Ya' (يَا) dan lain-lain contohnya بَأَطْلَبْ (Wahai pelajar,) يَا أُمِّي (Wahai ibuku) يَا أَنْتِ (Wahai anakku)

Harf Nidā' ialah أَيْ بَأْ هَبْ رَأْ yang bererti 'ya, wahai, hai)

Selain daripada ciri-ciri di atas, terdapat juga ahli uahu yang menambah beberapa ciri lagi sebagaimana keterangannya seperti di bawah:

- a. Isim boleh dijadikan mudāf, contohnya فِرَاءُ الْكِبْرِ مَرْوِيَةٌ (Membaca buku disanjung).
- b. Isim boleh dijadikan jamak contohnya مَفَاتِحُ الْخَصَارَةِ يَدِ (Kunci kemajuan di tangan ulama').

1. Ayyubh Bustapha Al-Ghilāyiyy: Jama' A-Durus Al-Arabiyyat, Ima'u'lli Ma'ṣūrat Al-Maktabat Al-Arabiyyat, Beirut (T.T), halaman 148

c. Isim boleh dikembalikan qamir kepadanya, contohnya اعطانِي أبي تقوده كُلَّ يَوْمٍ (Ayah memberi duit kepada saya tiap-tiap hari).

d. Isim boleh di tasghir تَسْعِير contohnya رأَيْتُ رِجَالًا يَسْطُرُونَ الْأَرْضَ (Saya libat seorang lelaki kerdil sedang menunggu bus).

2.4 Pembahagian Kata Nama Dari Sudut Genus (النَّسْم)

Kata nama dapat dibahagikan kepada dua genus yang berikut:

A) Mudhakkár مُدْحَكَّر (مذكر)

Mudhakkár adalah kata nama yang mewujudkan genus maskulin, menurut definisi yang di buat oleh Fuad Ni'mat (1)

هو مَادٌ عَلٰى الذَّكُورِ مِنَ النَّاسِ وَالْحَوَالَاتِ (Isim ialah perkataan yang berbunyi).

Fuad Ni'mat: Mulakhkhas Qawid Al-Lughat Al-Arabiyyat, juzu'II, Maktab

Al Iimi Li Taf'if Wattarjamat, Kahirah, halaman 14.

yang menunjukan genus lelaki sama ada manusia atau binatang). Daripada definisi di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa kata nama mudhakkir boleh dibahagikan kepada dua golongan sebagaimana berikut:

a. Golongan yang hidup contohnya manusia seperti **لُّجَّلُّ** (Pelajar) **رَجُلُّ** (Orang lelaki) **طَفْلُّ** (Kanak-kanak) dan binatang seperti **عَصَنْرُورٌ** (Burung) **حَمَانٌ** (Kuda) **نَعْنَانٌ** (Ular) dan lain-lain.

b. Golongan bukan hidup, menurut kebanyakan pendapat ahli nahu bahawa golongan ini juga termasuk dalam kumpulan mudhakkir seperti **قَمَرٌ** (bulan) **سَيْفٌ** (Pedang) **قَلْمَنْ** (Pen).

Sebahagian daripada tanda-tanda isim mudhakkir ialah ia tidak disambung dengan Ta' Marbutat di akhir kalimat (؛) contohnya **الْطَّلَابُ** (Pelajar lelaki), anggota badan yang tidak berpacangan seperti **الْأَفْنُونُ** (Hidung), benda yang bukan hidup seperti **الْقَلْمَنْ** (Pen) dan sebagainya.

B) Mu'annath (أنثى).

Mu'annath ialah kata yang menunjukan genus feminin nama ada yang bernyawa atau tidak . Ini dapat

وَمَادِلُ عَلَى الْإِنَاثِ مِنَ النَّاسِ

difahami daripada takrif yang berbunyi **وَالْجِنَانَاتُ** (1) (Isim yang menunjukan genus feminin sama ada manusia atau binatang). Genus feminin ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan seperti berikut:

a. Mu'annath ḥaqiqi (حَقِيقِي)

Genus mu'annath ḥaqiqi termasuk dalam golongan hidup atau bernyawa seperti manusia, contohnya أم (Ibu)، امرأة (Perempuan)، فتاة (Pemudi) dan golongan binatang pula seperti بقرة (Lembu)، عصافير (Burong)، أفعى (Ular sawa).

b. Mu'annath Majāzi (مَاجَازِي)

Menurut pendapat ahli nahu bahawa golongan ini dikenali sebagai golongan tidak bernyawa dan dikira sebagai mu'nnath juga. Contohnya صورة (Gambar)، صحراء (Padang pasir).

Tanda-tanda Ma'nath Majāzi (1)

Antara tanda-tanda isim mu'annath majāzi ialah

^{1.} Ibid, halaman 14

seperti berikut:

a. Ta' Marbutat (تاء مربوطة)

Kalimat yang berakhir dengan Ta' Marbutat seperti

هَيْلَةٌ (Meja) حَدَّيْهَةٌ (Taman) دُوَّلَةٌ (Kerajaan).

b. Alif Ta'nith Maqsurat (ألف مقصورة)

Tanda Alif Maqsurat pada sesuatu kalimat adalah seperti berikut:

1. Kata sifat mu'annath iaitu kalimat yang didatangkan atas wazan فعلی seperti كَسْلَى (perempuan pemalas) حَوْرَى (Perempuan lapar) عَطْنَى (Perempuan dahaga).

2. Mu'annath Tafdil (معنث تفضيل)

Iaitu isim yang didatangkan mengikut wazan فعلی seperti كَمْرَى (Lebih kecil) عَظِيمَى (Lebih besar) كَبِيرَى (Lebih besar).

1. Ibid , halaman 15.

3. Kata masdar (مَصْدَر) yang berakhir dengan alif maqsūrat seperti فُوْری (Hukum yang dikeluarkan oleh mufti) شری (Berita baik) ذکری (Peringatan).

4. Kata sifat muannath (Khusus untuk perempuan) yang berakhir dengan alif maqsūrat seperti حَلِیٰ (Perempuan mengandung) اُنیٰ (Keperepuanan).

3. Alif Ta' nith Mamdūdat (الْفُ تِنِيٰ مَمْدُودَةٌ)

Alif mamdūdat dapat dikenali melalui kaedah kaedah berikut:

1. Kata sifat mu'annath yang dibentuk atas wazan contohnya حَمَاءُ (Yang merah) عَرَبَاءُ (Yang tempang) عَنْبَاءُ (Yang buta).

2. Kata sifat yang berakhir dengan alif mamdūdat, contohnya كَنْتَةُ (perempuan yang cantik) صَحْرَاءُ (Padang pasir) عَشْرَاءُ (Bulan Ashura') iaitu bulan yang bermula pada sapuluh bulan Muharram dan setengah orang Islam merayakan hari tersebut dengan membuat sejenis bubur yang dinamakan bubur

ashura'.

4. Anggota badan yang berpasangan, contohnya عن (tangan) عين (mata) أذن (telinga) dan lain-lain.

5. Jamak taksir (جَمْعُ التَّكْسِيرِ) (1) yang tidak berakal, contohnya مَصَابِيحُ (Lampu) سَكَالَةُ (Sekolah) كُتُبٌ (Buku-buku).

Perhatian:

Terdapat beberapa kata nama yang di kecualikan dari pada kaedah di atas sebagaimana keterangan berikut:

1. Isim yang tiada Ta' Marbūṭat tetapi menunjukkan mu'annath contohnya أَرْضٌ, هَدْنَى, مَرْمَى, زَيْبٌ.

2. Isim yang berakhir dengan Ta' Marbūṭat tetapi makna mudzakkar contohnya طَلْحَةُ, حَمْرَةُ, سَعَادَةُ.

3. Isim yang tiada Ta' Marbūṭat tetapi harus digunakan untuk mudzakkar atau mu'annath seperti سُرْجٌ (Kedai)

طَرِيقٌ (Jalan) سِلاحٌ (Senjata) سَمَاءٌ (Langit) دُرْعٌ (Baju rantai).

1. Muad 1. Ni'mat : Mulakhkhas Qawa'id Al-Lughat Al-Arabiyyat , juzu' 11, Al-Maktab Al-Ilmi Li Ta'lif Wattarjamat, Kahirah, halaman 26.

2.5 Pembahagian Kata Nama Dari Sudut Bilangan

Konsep bilangan di dalam bahasa Arab dapat dikenal pasti melalui tanda-tanda tertentu di mana ia dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu mufrad, muthanna dan jamak. Perbincangan selanjutnya seperti berikut:

2.5.1 Mufrad (فرد)

Mufrad bererti kata tunggal sama ada pada genus maskulin seperti طلبة (murid lelaki) كاتب (Penulis) عامل (Pekerja) atau genus feminin seperti طالبة (murid perempuan) مدرسة (guru perempuan) مديرية (Pengarah perempuan) dan lain-lain.

2.5.2 Muthanna (معن)

Muthanna bererti kata duaan dengan menambah huruf-huruf tertentu di akhir tiap-tiap kalimat, antara huruf-huruf tersebut ialah:

1. Tambahan huruf Alif dan Nûn (ن) di akhir kalimat

mufrad, contohnya كِتابَيْنِ (dua buah buku) قَلْمَنْ (dua kepada kepada قلم),
كَلْمَانْ (Dua batang pen) صُورَتَانْ kepada مُسَوْرَتَانْ (Dua buah gambar),
iaitu ketika rafa' (nominatif).

2. 2. Tambahan huruf Ya' (ياء) dan Nûn (نون) (1) diakhir kalimat mufrad ketika berada dalam keadaan nasab (Akusatif), contohnya إِشْرَبَتْ كِتابَيْنِ حَدِيدَيْنِ (saya membeli dua buah buku baru) dan ketika jarr (Genetif), contohnya رَأَيْتُ الْعَصَافِيرَ مُغَرَّدَةً فِي الْوَكَرَيْنِ الْمَفَارِقَيْنِ (Saya melihat burung berkukur di dalam dua buah sangkar).

2.5.3 Jamak (جمع)

Jamak ialah kata yang bererti banyak atau ramai lebih daripada dua seperti مهندِسُونْ (jurutera-jurutera), مُهَاجِرُونْ (guru-guru lelaki), كَاتِبَاتْ (Penulis-penulis perempuan),

1. Fuad Ni'mat: Mulakhkhas Qawâid Al-Lughat Al-Arabiyyat, juzu' Maktab

Al Ilmi li Ta'rif Wattarjamat, Kaherah (T.T), halaman 17.

(مُهَاجِرَاتٍ) (Guru-guru perempuan), (سَنْجَائِيْنَ) (sungai-sungai).

2.5.3.1 Pembahagian Jamak

Jamak dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan seperti berikut:

a. Jamak Mudhakkār Sālim (جَمْعُ الْمَذْكُورِ السَّالِمِ)

Jamak Mudhakkār salim adalah kata yang menunjukkan bilangan banyak (Maskulin) iaitu dengan menambah huruf Wau dan Nūn (وُ, نُونٌ) di akhir kata mufrad, iaitu ketika rafa' (رفع) contohnya مُهَاجِرَةً (guru-guru lelaki) (Peguam peguam) مُمْكِنَةً (Orang-orang mukmin), dan ditambah Ya' dan Nūn (يَاءُ، نُونٌ) ketika nasb dan jarr, contohnya مُسْلِمِينَ (Orang-orang Islam) (فَارِزِينَ) (Orang-orang berjaya) عَابِدِينَ (Ahli-ahli ibadat).

b. Jamak Muannath Sālim (جَمْعُ الْمَوْتَنِ السَّالِمِ)

Jamak Muannath Sālim adalah kata yang menunjukan

1. Ibid halaman 20

bilangan banyak atau ramai lebih daripada dua dengan penambahan huruf Alif Ta' ^{أَلِفْ تَاءً} di bahagian akhir kalimat mufrad, contohnya ^{مُسْلِمٌ} kepada ^{مُسْلِمَاتٍ} (Beberapa orang muslimat) ^{هُنَّ} kepada ^{هُنَّ} (Beberapa orang Hindun) ^{بَنِتٍ} kepada ^{بَنَاتٍ} (Beberapa orang budak perempuan), dan dibaca dengan baris di hadapan (Nomonatif) ketika rafa' ^{رَفْعٍ} contohnya ^{يَوْمَ مِيلَادِ أَبِالْأَوْنَانِ} (رفع) ^{إِحْقَافُ الْمُسْلِمَاتِ} (kaum muslimat merayakan hari jadi anak-anak mereka) dan dibaca dengan baris di bawah ^{كُسْرَةً} (ketika nasb (Akusatif) dan jarr (Genetif) contohnya ^{أَشْرَبَتِ النَّاهَاتِ فِي السَّوْقِ} (Saya membeli beberapa biji epal di kedai) dan ketika pembentukkan jamak Mu'annath Salim huruf Ta' Marbutat ^(ة) di akhir kalimat mufrad hendaklah di buang contohnya perkataan ^{مُسْلِمٌ} ^{مُسْلِمَاتٍ} dan bukan ^{مُؤْمِنٌ} ^{مُؤْمِنَاتٍ} kepada ^{مُؤْمِنٌ} ^{مُؤْمِنَاتٍ}.

c. Jamak Taksir ^(جُمُودُ التَّكْسِيرِ)

Jamak Taksir ialah jamak yang menunjukkan

bilangan banyak atau ramai lebih daripada dua melalui proses perubahan mufradnya iaitu sebagaimana takrif yang berbunyi **هُوَ مَادٌ عَلَى أَكْثَرِ مِنْ ثَنَيْ أَوْ ثَلَاثَيْ مُعْتَبِرٍ صُورَةً مُفَرِّدَةً** (1) (Jamak Taksir ialah jamak yang menunjukkan bilangan lebih daripada dua dengan perubahan bentuk mufradnya).

Menurut ahli nahu bahasa Arab bahawa jamak Taksir terbentuk secara **سَمَائِيَّةً** (سماعي) iaitu di dengar daripada pertuturan orang-orang Arab dan tidak ada kaedah khusus mengenainya contohnya **صُورَةً** kepada **صُورَةً** (Gambar-gambar) kepada **مَيَادِينَ** (Padang-padang) kepada **كُتُبٍ** (Buku-buku) dan sebagainya.

2.5.3.2 Pembahagian Jamak Taksir

Jamak Taksir dapat dibahagikan kepada dua kumpulan utama sebagaimana keterangan berikut:

1. Jamak Qillat (**جِمْعُ الْقِلَّاتِ**) (2) iaitu lafaz yang

menerangkan jumlah bilangan antara tiga hingga sapuluh.

1. Ibid halaman 16

2. Tajuddin Ammu Ali: *M-Naur Al-Mudi'* Dar Al-Fikri , Damshik, 1988, halaman 54.

Ia terbentuk melalui empat kaedah berikut:

- a. Terbentuk melalui wazan أَفْعُلُ (وزن) contohnya نفس kepada نفس (Diri/Jiwa), عن kepada أَعْيُنُ (Mata).
- b. Terbentuk melalui wazan أَفْعُلُ contohnya سيف kepada أسياف (Pedang-pedang), عَنْ kepada أَعْنَابُ (Buah-buah anggor).
- c. Terbentuk melalui wazan أَفْعُلَةُ contohnya رَغْفَ kepada أرغفة (Roti-roti), عمود kepada أَعْدِنَةُ (Tiang-tiang).
- d. Terbentuk melalui wazan فُعْلَةُ contohnya فُنِّي kepada فنادق (Pemuda-muda), صبيّ kepada صَبَّيْهُ (Ramai kanak-kanak).

2. Jamak Kathrat (جمع الكثرة) (1)

Jamak Kathrat ialah kata yang menunjukkan bilangan yang berjumlah antara tiga hingga sebanyak-banyaknya. Ia tergolong di dalam empat kategori juga iaitu:

1. Fuad Ni'mat: Mulakhkhas Qawa'id Al-Lughat Al-Arabiyyat, juzi' 11, Al-Maktab Al-Imi Li Ta'lif Wattarjamat, Kahirah (T.T), halaman 26.

a. Kata sifat yang dibentuk di atas wazan **فَعْل** (وزن) dan mufradnya atas wazan **أَفْعَل** contohnya **أَحْمَر** kepada **حُمَر** (kemerah-merahan), **خُضْر** kepada **أَخْضَر** (Kehijau- hijauan), **أَصْفَر** kepada **صَفَر** (Kekuning- kuningan).

b. Kata nama atas wazan فعل فعال dan wazan mufradnya فعل فعل kepada قلوب قلب (Banyak hati). contohnya

c. Kata sifat yang dibentuk atas wazan فطىٰ dan wazan mufradnya فعلٰ
 contohnya مَرْضٰى (Orang-orang luka), جَرِحٰى (Orang-sakit) kepada مَرْضٰى (Orang-sakit) dan lain-lain.

d. Kata sifat mudhakkir berakal atas wazan فعلاءٌ، فعل فعلة contohnya
 كاتب طالب طلبة شرفاء شريف (orang mulia) kepada (Pelajar-pelajar), kepada (orang mulia) kepada
 كتبةPenulis-penulis).

2.6 Penutup

Isim atau kata nama pada amnya mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat membezakannya daripada kata lain iaitu seperti boleh dimasukkan huruf jaar dan boleh dimasukkan nida'. Selain daripada itu, mempunyai struktur makna yang berbeza seperti umum dan khusus.